

09 APR 1997

Mahathir-Perkongsian

MALAYSIA MAHU PAKISTAN WUJUD PERKONGSIAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

ISLAMABAD, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan Pakistan perlu mewujudkan perkongsian dengan menggunakan kelebihan masing-masing bagi faedah kedua-dua pihak.

Perdana Menteri berkata terdapat bidang-bidang yang Pakistan mempunyai kepakaran yang boleh digabungkan dengan kekuatan yang dibina oleh Malaysia sejak beberapa tahun bagi mewujudkan usaha sama secara dua hala atau dirancang dengan pihak ketiga.

"Kedua-dua negara saling sesuai untuk dijadikan pintu masuk ke rantau satu sama lain," katanya semasa berucap di jamuan negara oleh Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif sempena lawatan beliau ke sini.

Dr Mahathir tiba di sini dari Bahrain untuk lawatan sehari.

Perdana Menteri disertai oleh delegasi 50 anggota termasuk ahli perniagaan. Juga berada dalam delegasi itu Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh menjadi pintu masuk bagi produk Pakistan ke Asia Timur manakala Pakistan pula sebagai pintu masuk barangan keluaran Malaysia ke benua kecil India dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS).

Katanya, usaha sama yang dijalinkan Malaysia-Pakistan dapat menyumbang kepada perseimbangan perdagangan dan pembayaran antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata Pakistan merupakan pengimport utama minyak sawit dan produk minyak sawit Malaysia.

Tahun lepas sahaja, Pakistan mengimport kira-kira 1.16 juta tan atau 84.9 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia ke Pakistan.

Dr Mahathir berharap Pakistan bukan saja dapat meneruskan import minyak sawit dari Malaysia, tetapi kedua-dua negara dapat berusaha ke arah mengadakan produk-produk tambah nilai daripada minyak sawit untuk dieksport ke pasaran baru di republik-republik Asia Tengah.

Mengenai kerjasama teknikal, beliau berkata terdapat masih banyak ruang bagi kedua-dua pihak meningkatkannya dan menambah kata sejak 1982, seramai 122 rakyat Pakistan telah mengikuti pelbagai skim latihan di bawah program kerjasama teknikal Malaysia.

Pakistan pula telah memberi sumbangan dengan membekalkan tenaga kerja bagi pelbagai sektor di Malaysia terutamanya dalam pembinaan, perkilangan dan perladangan.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih mengalami kekurangan doktor dan jururawat dan akan terus mengalu-alukan doktor dan pakar serta jururawat dari Pakistan.

Beliau sekali lagi menyatakan minat dan kesediaan Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pembangunan sektor-sektor lain seperti pembangunan infrastruktur, perumahan dan pembinaan, kewangan dan perbankan serta elektronik dan komputer di Pakistan.

Menurut beliau sehingga ini sembilan syarikat Malaysia telah melabur dalam industri mencari gali minyak dan gas di Pakistan, pelabuhan, pemasangan telekomunikasi dan tayar.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia menyambut baik penyertaan Pakistan dalam dialog sektoral dengan ASEAN dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pelancongan, pembangunan sumber manusia, pencegahan pengedaran dadah, sains, teknologi dan alam sekitar.

Tambahnya Malaysia akan menyokong usaha Pakistan menjadikan dialog

sektoral itu lebih bermakna dan berkesan.--BERNAMA  
ARA OBA